



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

MyGDI

NEWSLETTER

EDISI 03/2024

2024 yang TUNTAS

KOMITED MEMPERKASA PENGURUSAN DATA GEOSPATIAL NEGARA

- ✓ *Mesyuarat Agensi Tunjak & Custodian Data Geospacial 12 Kategori* (Halaman 06 -12)
- ✓ *Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI [JTSM]* (Halaman 13)
- ✓ *Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI [JTFM]* (Halaman 14)
- ✓ *Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI [JTCM]* (Halaman 15)



Info MyGDI
(Halaman 02-05)

Terkini MyGDI
(Halaman 16)

Aktiviti MyGDI
(Halaman 17 -39)

Lawatan ke PGN: September - Disember 2024
(Halaman 40 - 42)

CUSTODIANSHIP MyGDI

“Suatu **kaedah** bagi **memastikan akauntabiliti** terhadap **pengurusan dan penyenggaraan maklumat geospacial** di setiap agensi serta tidak memberi maksud **pemilikan mutlak** tetapi sebagai **pemegang amanah data** bagi setiap agensi”

CUSTODIAN MyGDI

Agensi dalam kalangan pembekal data geospacial yang bertanggungjawab **mengurus data geospacial, kualiti, integriti dan memberikan kebenaran akses** kepada **capaian data**.

PRINSIP CUSTODIAN

PEMEGANG AMANAH 1

Custodian yang mentadbir dan menguruskan dataset geospasial bagi pihak kerajaan adalah bukan pemilik mutlak data.

STANDARD 2

Bertanggungjawab memastikan data dan metadata mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

PENGURUSAN DATA 3

Penyelarasan data geospasial yang lengkap dan terkini bagi kegunaan pihak berkepentingan yang terlibat dengan aktiviti MyGDI.

INTEGRITI 4

Berwibawa dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerahsiaan dan integriti data.

CAPAIAN DATA 5

Memastikan data tersedia dan boleh dicapai.

HAK CUSTODIAN

Custodian berhak:

1

MENETAPKAN

syarat-syarat pemasaran seperti:

- mengadakan perjanjian rasmi dengan agensi
- perjanjian royalti
- penentuan harga data
- perkongsian hasil serta hak cipta

2

MENENTUKAN

tahap keutamaan pengutipan data dengan

- mengadakan rundingan bersama Agensi Sektor Awam / Agensi Tunjak

TANGGUNGJAWAB CUSTODIAN

1 Pengutipan dan Penyenggaraan Data



📍 Custodian data perlu memastikan pengutipan dan penyenggaraan data menepati:

- Prosedur Operasi Standard (SOP) Perkongsian dan Pelepasan Data Geospasial di bawah MyGDI
- Standard Malaysia MS 1759 Geographic information/geomatics - Feature and Attribute Codes
- MS 2647:2023 "Geospatial Metadata - Fundamental and Implementation Schema"
- MS ISO 19119:2006 "Geographic Information - Services"

📍 Data yang dikutip dan selenggara oleh kerajaan adalah hak milik eksklusif kerajaan sepenuhnya.

📍 Sekiranya pengutipan dan penyenggaraan data dijalankan secara *outsourcing* sepenuh atau sebahagian daripadanya atau hibrid, perjanjian kontrak hendaklah diwujudkan dan menyatakan hak eksklusif keseluruhan data tersebut adalah milik kerajaan.

2 Pematuhan Standard



📍 Pengurusan dan penggunaan maklumat geospasial perlu mematuhi standard geospasial MyGDI

3 Kualiti Data



📍 Bagi tujuan kawalan kualiti, data hendaklah:

- Dipastikan sentiasa terpelihara dengan merujuk kepada Garis Panduan Penilaian Kualiti Data Geospasial yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) 2010
- Dibekalkan dengan maklumat yang berkualiti mengenai punca, kesahihan, ketepatan, kesempurnaan dan kekinian data geospasial. Menyediakan metadata yang menerangkan setiap kandungan butiran data geospasial berdasarkan standard yang dikeluarkan oleh JSM.

4 Capaian Data



📍 Memastikan semua data terlibat (tidak terhad kepada data geospasial) sentiasa tersedia dan boleh dicapai dengan menjaga kepentingan kerajaan bagi menjamin privacy dan kerahsiaan data.

5 Data Peribadi



📍 Menyediakan langkah keselamatan untuk melindungi data peribadi yang mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

PEMILIHAN CUSTODIAN

Custodian adalah daripada kalangan agensi pembekal data berasaskan kepada kriteria seperti berikut:

- Agensi sektor awam yang dipertanggungjawabkan mengurus data geospasial; dan
- Agensi sektor awam yang mempunyai kepentingan dan kepakaran terhadap data geospasial.

PENILAIAN SEMULA CUSTODIAN

- Penilaian semula terhadap custodian data dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.
- Sekiranya perlu, custodian data baharu akan dikenal pasti dan diperakumkan melalui **Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial**.

AGENSI TUNJAK MyGDI

- Agensi yang dipilih di dalam Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial sebagai ketua daripada kalangan custodian bagi data geospasial.
- **Tanggungjawab agensi tunjak** adalah seperti berikut:
 - a. Menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan data fundamental di bawah jagaan custodian data;
 - b. Memastikan mengikut standard yang ditetapkan dalam menyelaras pengutipan dan pengemaskinian data fundamental;
 - c. Membantu memudahkan perkongsian dan pelepasan data fundamental;
 - d. Melaporkan aktiviti dan penyelarasan data geospasial kepada jawatankuasa yang berkaitan.

MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI HYDROGRAPHY KALI KE-13

25 September 2024



Pengerusi: Lt Kdr Ramli bin Mohd TLDM, Pusat Hidrografi Nasional

Pusat Geospasial Negara (PGN), selaku urus setia mesyuarat dan Pusat Hidrografi Nasional (PHN) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Hydrography* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Hydrography* dalam kalangan Agensi Kerajaan.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI SOIL & VEGETATION KALI KE-13

03 Oktober 2024

Pengerusi: Puan Khazana binti Ibrahim, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Jabatan Pertanian (DOA) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Soil & Vegetation* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Soil & Vegetation* dalam kalangan agensi Kerajaan.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI TRANSPORTATION KALI KE-13

04 Oktober 2024

Pengerusi: Encik Mohd Syukri bin Md Hanafiah, Jurutera Awam Penguasa, Jabatan Kerja Raya.

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Transportation* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Transportation* dalam kalangan agensi Kerajaan.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI UTILITY KALI KE-13

10 Oktober 2024

Pengerusi: Sr Powzy bin Mohd Som, Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Utiliti), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Utility* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Utility* dalam kalangan agensi Kerajaan.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK DAN CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI AERONAUTICAL KALI KE-8

14 Oktober 2024



Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Aeronautical* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Aeronautical* dalam kalangan agensi Kerajaan.

Pengerusi: En. Md Nastain bin Mahazur, Pengarah Bahagian Keselamatan Perkhidmatan Navigasi Udara, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).



MESYUARAT AGENSI TUNJAK DAN CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI GEOLOGY KALI KE-13

11 November 2024

Pengerusi: P.Geol Gs. Dr. Haji Mohamad bin Abd Manap, Timbalan Pengarah Cawangan Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Geology* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu ditambah baik dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Geology* Program MyGDI.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK DAN CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI DEMARCATION KALI KE-12

14 November 2024

Pengerusi: Sr Noor Helmy bin Noordin, Pengarah Ukur Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Kadaster, JUPEM

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat manakala Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori *Demarcation* telah mengadakan mesyuarat ini bertujuan sebagai penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori *Demarcation* Program MyGDI.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD MyGDI (JTSM) TAHUN 2024

28 November 2024



Mesyuarat JTSM telah dipengerusikan oleh Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah, Pusat Geospasial Negara (PGN), NRES. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan melaporkan aktiviti yang berkaitan penggunaan standardisasi maklumat geospasial dalam kalangan agensi persekutuan dan negeri. Antara aktiviti standardisasi yang dijalankan di bawah JTSM sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:

- Mesyuarat yang berkaitan standard
- Standardisasi Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah
 - *Unique Parcel Identifier (UPI)*
- Malaysian Standard for Geographic Information/Geomatics
 - *Feature and Attribute Codes (MS 1759)*
- Standardisasi Kod dan Warna Simbol (KWS)
- Standardisasi *Geospatial Metadata*
- Standardisasi *Multi-Lingual Glossary of Terms (MLGT)*



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL FRAMEWORK MyGDI (JTfM) TAHUN 2024

05 Disember 2024



Mesyuarat JTfM telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I, JUPEM, YBrS. LSr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob. Mesyuarat JTfM ini diadakan bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dasar pembangunan dan perkongsian data melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) di peringkat persekutuan dan negeri serta sebagai platform bagi setiap Agensi Tunjak bagi 12 kategori data geospasial melaporkan segala aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 dan perancangan bagi tahun 2025.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL CLEARINGHOUSE MyGDI (JTCM) TAHUN 2024

19 Disember 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI (JTCM) bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) dalam mengurus operasi Clearinghouse MyGDI. JTCM juga membincangkan dan melaporkan kemajuan pelaksanaan program MyGDI/GIS Negeri yang tertumpu kepada ketersediaan dan pembangunan Infrastruktur dan aplikasi GIS bagi menyokong perkongsian maklumat geospasial negara. Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Ts. Rusliza Hanim Binti Maarif, Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN) dan keurusetiaan mesyuarat adalah di bawah Cawangan Infrastruktur ICT bersama Cawangan Perkhidmatan Geospasial.



Kehadiran mesyuarat melibatkan 16 agensi MyGDI Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta enam (6) agensi kolaborasi MyGOS yang terdiri daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik (JKR), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.



PUSAT GEOSPATIAL NEGARA, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM TERIMA WATIKAH PELANTIKAN PENGLIBATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU GOSG 2.0

12 September 2024 | DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside



Puan Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES telah hadir menerima Watikah Pelantikan Penglibatan Penyampaian Perkhidmatan Digital Bersepadu GOSG 2.0 yang disampaikan oleh YBhg. Tuan Fabian Bigar, Ketua Setiausaha Kementerian Digital dalam Program Sesi Revolusi Penyampaian Perkhidmatan Digital Bersepadu -Onboarding Perkhidmatan GOSG 2.0.

Program yang dianjurkan ini bagi memastikan penglibatan agensi dalam revolusi penyampaian perkhidmatan digital bersepadu, memantapkan kefahaman serta memastikan komitmen berterusan agensi dalam pelaksanaan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sasaran. PGN, NRES akan terus komited meneraju Program MyGDI bersama inisiatif yang dilaksanakan ini.



PELAKSANAAN AUDIT DALAM ISO/IEC 27001:2013 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

2-3 September 2024

Pelaksanaan Audit Pemantauan Kedua (Surveillance 2) ISMS Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) merupakan salah satu proses pensijilan yang perlu dijalankan sebelum pensijilan semula diperoleh.

Mesyuarat Pembukaan Audit Pemantauan Kedua ISO/IEC 27001:2013 ISMS, PGN, NRES telah berlangsung pada 2 September 2024 (Isnin), jam 9.30 pagi dan dipengerusikan oleh Pengarah PGN, NRES, Ts. Rusliza Hanim binti Maarif.

Pelaksanaan audit dalam selama 2 hari ini dijalankan oleh pegawai SIRIM QAS International iaitu Puan Nur Aisya binti Mohd Zamri selaku Ketua Juruaudit dan Puan Noor Kamasahliza binti Md Sahair@Shahir selaku Juruaudit.

Hasil pengauditan ini mendapati TIADA laporan ketakakuran (NCR) yang dilaporkan dan TIADA Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) dikeluarkan. Pasukan Juruaudit mengesyorkan pensijilan ISO/IEC 27001:2013 ISMS bagi tempoh satu (1) tahun diteruskan untuk Pusat Geospasial Negara. Pasukan Juruaudit turut merumuskan bahawa pelaksanaan ISMS di PGN secara keseluruhannya adalah baik dan memenuhi keperluan standard ISMS.

Semoga pelaksanaan ISMS di PGN dapat meningkatkan perlindungan infrastruktur dan infostruktur geospasial Program MyGDI sekali gus mencapai objektif keselamatan ICT Sektor Awam.



LATIHAN APLIKASI MYGDI EXPLORER BAGI PENGISIAN DAN PENERBITAN METADATA BAGI KATEGORI AERONAUTICAL

3 September 2024



Satu latihan aplikasi MyGDI Explorer bagi pengisian dan penerbitan metadata telah diadakan bersama agensi pembekal data di bawah kategori Aeronautical. Sesi taklimat latihan ini telah disampaikan oleh Puan Nornisha binti Ishak dan Sr Mohd Yusri bin Mohd Noor.

Metadata merupakan maklumat berkenaan data seperti tajuk produk/data, abstrak, pegawai bertanggungjawab, format, kaedah pengedaran serta lain-lain maklumat mengenai data tersebut. Sehubungan itu, pengisian dan penerbitan metadata adalah penting dan bertujuan untuk dihebahkan melalui aplikasi MyGDI Explorer.



Antara Agensi yang terlibat dalam sesi latihan ini terdiri daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB), Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd., Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tanjung Manis Development Sdn. Bhd.

BENGKEL PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERKHIDMATAN GEOSPATIAL PGN, NRES

5-7 September 2024 / Bayview Hotel, Melaka

Satu bengkel bagi membangunkan serta memantapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perkhidmatan Geospasial oleh PGN, NRES telah dilangsungkan selama 3 hari bersama Puan Felicia, Penolong Pengarah Kanan dari Jabatan Digital Negara (JDN) selaku penceramah.


Bengkel ini telah dirasmikan oleh Puan Suzaini binti Jabar, Timbalan Pengarah, Cawangan Perkhidmatan Geospasial mewakili Pengarah PGN, NRES dan telah menghimpunkan para pegawai dari semua cawangan PGN, NRES bagi menghasilkan SOP yang merujuk kepada dokumen PPrISA dan KRISA oleh JDN.



SESI PERKONGSIAN TEKNOLOGI TERKINI DARIPADA GPS LANDS

10 September 2024

GPS Lands telah mengadakan sesi perkongsian teknologi dengan bertemakan "Kelestarian Karbon: Pendekatan Geospasial dalam Pemetaan Karbon", yang dibentangkan oleh YBhg. Datuk Lim Chor Sheng, Pengarah Urusan GPS Lands (M) Sdn Bhd. Sesi ini memberikan input berharga kepada pihak kementerian dalam usaha mempertingkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan awam kepada masyarakat.



LAWATAN TEKNIKAL KE KOMPLEKS PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA KUALA LUMPUR (KLATCC)

11 September 2024 | Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur

Lawatan teknikal ke Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) ini diadakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial bagi Kategori *Aeronautical* Kali Ke- 7 sebagai satu inisiatif bagi meningkatkan pengetahuan ahli mesyuarat berkaitan pengurusan data geospasial kategori *Aeronautical*.

Lawatan dimulakan dengan taklimat oleh Encik Mohd Rahimi bin Jamaludin dari CAAM. Peserta kemudian dibawa ke Galeri Pemerhati untuk melihat Pegawai Kawalan Trafik Udara mengendalikan ruang udara Malaysia (FIR Kuala Lumpur dan FIR Kota Kinabalu) dari Bilik Operasi Utama demi memastikan penerbangan selamat dan lancar. Lawatan diteruskan ke Bilik Search & Rescue bagi memahami proses koordinasi mencari dan mengelamati insiden pesawat. Akhir sekali, peserta melawat Bilik Ujian dan Simulasi yang dilengkapi kemudahan seperti di Bilik Operasi Utama untuk tujuan latihan.



Antara agensi turut serta dalam lawatan ini ialah Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara (PPON, MKN), Bahagian Geospasial Pertahanan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (BGSP, JUPEM), Bahagian Pangkalan Data Geospasial Negara (BPDGN, JUPEM) dan Malaysia Aiports Holdings Berhad (MAHB). Diharapkan agar lawatan ini dapat memberikan manfaat dan impak yang positif kepada semua peserta.



RERUAI PGN DI SEMINAR DIGITAL GEOSMART GOVERNMENT (SDGG): MEMBONGKAR POTENSI SPATIAL 2024

24 September 2024 | PICCA Convention Centre, Butterworth Arena



Suasana di reruai pameran PGN, NRES sempena Seminar Digital Geosmart Government (SDGG) berlangsung.




SEMINAR DIGITAL GEOSMART GOVERNMENT (SDGG): MEMBONGKAR POTENSI SPATIAL 2024

24 September 2024 | PICCA Convention Centre, Butterworth Arena

Forum “Membongkar Potensi Spatial”

Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah PGN, NRES telah terlibat sebagai salah seorang panel yang turut dibarisi oleh pemain industri geospasial dari pihak Kerajaan dan swasta.



Sesi pembentangan "Peranan Pusat Geospasial Negara di Malaysia"

oleh Sr Mohamad Ridzuan bin Hj. Awang Noh, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Polisi, Standard dan Outreach, PGN, NRES dalam sesi bertemakan 'Geospasial dan Pendigitalan'.



BENGKEL PENGESAHAN DATA FUNDAMENTAL BAGI KATEGORI AERONAUTICAL

30 September 2024

Bengkel pengesahan data fundamental bagi kategori *Aeronautical* telah diadakan bertujuan untuk mengesahkan dan memuktamadkan geometri data fundamental yang telah ditukar dari format CAD drawing kepada format shapefile.



Agensi-agensi yang telah menyertai bengkel ini terdiri daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Hasil penemuan dalam bengkel ini seterusnya akan dilaporkan ke Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial bagi Kategori *Aeronautical* Kali ke-8 yang akan datang.



KURSUS ISO 27001:2022 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) – TRANSITION IMPLEMENTATION

08 - 09 Oktober 2024

Kursus ini disasarkan kepada pegawai Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi memberikan pemahaman menyeluruh mengenai amalan terbaik pengurusan maklumat melalui penggunaan ISO/IEC 27001:2022 ISMS. Ia juga sebagai persediaan pegawai-pegawai dalam proses PGN mendapatkan pensijilan ISO/IEC 27001:2022 ISMS yang dijangka pada Julai 2025.



BENGKEL SYSTEM REQUIREMENT SPECIFICATIONS (SRS) BAGI PENAMBAHBAIKAN APLIKASI GIS YANG DIBANGUNKAN MENGGUNAKAN PLATFORM MALAYSIA GEOSPATIAL ONLINE SERVICES (MYGOS)

14 - 16 Oktober 2024 | Royale Chulan Penang

Bengkel *System Requirement Specifications* (SRS) telah dianjurkan bersama agensi-agensi yang berkolaborasi melalui platform MyGOS bertujuan untuk menambah baik fungsi sedia ada dalam aplikasi GIS yang telah dibangunkan melalui Program *Interim Operational Capability* (IOC).

Agensi-agensi yang terlibat adalah Bahagian Pengurusan Kawal Selia Pencegahan Jenayah dan Keganasan, Kementerian Dalam Negeri (KDN); Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK); Bahagian Keselamatan Petroleum, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan turut hadir ialah wakil syarikat kontraktor Alami Technologies Sdn. Bhd. serta Esri Malaysia Sdn. Bhd.



Royale Chulan
PENANG

PAMERAN PGN, NRES DI PROGRAM KARNIVAL GEOMATIK 2024 ANJURAN UITM CAWANGAN PERLIS

15 Oktober 2024

PGN, NRES telah menyertai pameran sempena program Karnival Geomatik 2024 yang dianjurkan oleh Kolej Pengajian Alam Bina (KAB), UiTM Cawangan Perlis. Program pihak industri dan akademik yang bersifat komuniti ini bertujuan bagi mempromosikan bidang geomatik serta peranannya dalam kesejahteraan masyarakat.

Penglibatan PGN, NRES dalam program yang dianjurkan ini diharapkan dapat membuka peluang kepada para pengunjung dan peserta program untuk mengenal agensi-agensi berkaitan geomatik serta dapat mendapatkan maklumat lanjut Program MyGDI yang diterajui oleh PGN, NRES.



TAKLIMAT GARIS PANDUAN PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DAN BENGKEL PENGEMASKINIAN NAMA-NAMA GEOGRAFI PERINGKAT NEGERI PERAK

15 – 16 Oktober 2024 | Hotel Impiana, Ipoh

Sesi Taklimat Garis Panduan Penentuan Nama Geografi Dan Bengkel Pengemaskinian Nama-Nama Geografi Peringkat Negeri Perak telah diadakan pada 15 hingga 16 Oktober 2024 bertempat di Hotel Impiana, Ipoh yang dihadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi teknikal di Negeri Perak.



Tujuan bengkel ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan dan panduan kepada agensi-agensi teknikal yang terlibat dalam penentuan nama geografi di Perak. Selain itu, agensi-agensi diberi taklimat berkenaan status terkini ketersediaan data nama geografi bagi Negeri Perak. Sesi semakan dan pengemaskinian data-data Nama Geografi Negeri Perak juga turut dijalankan sepanjang bengkel tersebut.

Wakil dari Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) iaitu Sr Sarah binti Shahrudin telah memberikan Taklimat Garis Panduan Penentuan Nama Geografi. Selain itu wakil dari Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) iaitu Puan Azeleen binti Mohd Razali memberi taklimat berkenaan Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (PDNG) Negeri Perak.

MESYUARAT KUMPULAN KERJA MULTI-LINGUAL GLOSSARY OF TERMS (MLGT) MAKLUMAT GEOGRAFI/ GEOMATIK BIL. 2/2024

17 Oktober 2024



Pusat Geospatial Negara (PGN) selaku sekretariat telah mengadakan mesyuarat Kumpulan Kerja Multi-Lingual Glossary of Term (MLGT) maklumat Geografi/Geomatik Bil. 2/2024 ini yang bertujuan menterjemah dan menentukan bidang serta sub bidang istilah-istilah *Multi-Lingual Glossary of Terms* (MLGT) berdasarkan dokumen ISO/TC 211 MLGT - Release 5 Terminological Records.

Hasil terjemahan akan diterbitkan dalam laman sesawang Geolexica, laman sesawang MyGeoportal dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) untuk rujukan umum.

BENGKEL FOCUS GROUP BAGI PEMURNIAN KANDUNGAN DAN PEMANTAPAN GARIS PANDUAN MYGEOPORTAL PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

21-23 Oktober 2024 | Espira Kinrara, Selangor

Bengkel ini ialah inisiatif bagi penambahbaikan MyGeoportal yang merangkumi aspek antara muka, kefungsiannya dan juga kandungannya supaya dapat menghasilkan output yang signifikan bagi memastikan MyGeoportal sentiasa dapat memenuhi kehendak semasa pelanggan.



Bengkel turut diisi dengan taklimat berkaitan "Emerging Technologies in Malaysia" dan "Reka Bentuk Perkhidmatan Digital Kerajaan" oleh YBrs. Ts. Dr. Mohamed Hairul bin Othman, Setiausaha Bahagian Inkubator Digital, Kementerian Digital.



MESYUARAT KUMPULAN KERJA STANDARDISASI KOD DAN WARNA SIMBOL (KWS) BIL. 2/2024 BAGI KATEGORI UTILITY

25 Oktober 2024

Mesyuarat bertujuan mendapatkan cadangan serta persetujuan daripada agensi berkaitan kod dan warna simbol fitur yang lazim digunakan dalam peta-peta tematik/topografi.

Antara agensi yang hadir ialah Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Lembaga Lebuhraya (LLM), Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).



SEMINAR GIS 2024 ANJURAN KERAJAAN NEGERI PERAK "GIS PEMANGKIN PBT BERDAYA SAING"

5-6 November 2024 | Royal Perak Golf Club



Sr Mohamad Ridzuan bin Hj. Awang Noh, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Polisi, Standard dan Outreach, PGN, NRES telah menjayakan sesi pertama seminar ini dengan pembentangan bertajuk "Geospatial dan Pendigitalan: Peranan Pusat Geospatial Negara (PGN) di Malaysia".

Seminar yang dirasmikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Perak ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Perak dalam usaha mempromosikan bidang geomatik dan geoinformatik serta kegunaan GIS kepada agensi-agensi negeri.

Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah PGN, NRES turut hadir sebagai tetamu kehormat di acara perasmian seminar.

MESYUARAT KAJIAN SEMULA DAN PENGESAHAN DOKUMEN ISO/IEC 27001:2022 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN), KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

4-6 November 2024 | Hotel Travelodge Ipoh, Perak



Mesyuarat Kajian Semula dan Pengesahan Dokumen ISO/IEC 27001:2022 ISMS PGN, NRES yang dipengerusikan oleh Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah PGN telah diadakan bertujuan untuk merangka dan membentangkan pelaksanaan gerak kerja pensijilan ISMS PGN bagi tahun 2025 mengikut standard ISO/IEC 27001:2022 ISMS.



Mesyuarat ini telah meluluskan aktiviti dan cadangan penambahbaikan ISMS PGN untuk pensijilan ISO/IEC 27001:2022 yang dijangka diperolehi pada tahun 2025.



Program ini telah disertai oleh ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Pelaksana ISMS PGN serta pegawai kanan PGN yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan ISMS di PGN.

KURSUS PERISIAN QGIS (BEGINNER) KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

12 - 13 November 2024 | Majlis Perbandaran Kemaman



PGN, NRES mengadakan kursus asas QGIS untuk pegawai MP Kemaman, termasuk pengenalan platform MyMAPS untuk perkongsian data GIS dan pembangunan aplikasi GIS oleh agensi tersebut. Tenaga pengajar ialah Gs. Haji Mohamad Syukri bin Haron, Puan Salina binti Ibrahim, dan Puan Hajah Azura binti Ismail. Turut hadir, Encik Ahmad Sheikh bin Abd Rahim (Pengarah Teknologi Maklumat) dan Puan Rooslinda binti Mamat (Pengarah Perancangan Pembangunan) MP Kemaman.



MESYUARAT ISO/TC 211 GEOGRAPHIC/GEOMATIC INFORMATION (PLENARY KE-59)

14 - 15 November 2024 | Dalam Talian


Penganjur: Standard Australia (SA)

Lokasi: Standards Australia, Level 9, The Exchange Centre 20 Bridge Street, Sydney NSW 2000

Penyertaan Delegasi: Australia, Austria, Canada, China, Denmark, France, Germany, India, Indonesia, Jamaica, Japan, Republic of Korea, Malaysia, Netherland, New Zealand, Norway, Poland, Russian Federation, Saudi Arabia, South Africa, Sweden, Thailand, United Kingdom dan United States

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan status kemajuan penerbitan dokumen ISO/TC 211 dalam bidang maklumat geografi/geomatik, standard-standard baru yang akan dibangunkan serta penyelesaian isu-isu yang berbangkit. Negara Malaysia merupakan ahli berstatus Participating Member (P) dalam ISO/TC 211 Geographic Information/Geomatics. Sr Muhammad Salim bin Hj Mohammed Asari, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah mengetuai delegasi Malaysia dalam mesyuarat ini dan beliau juga berperanan sebagai Pengerusi NSC 07/TC 2.

Turut bersama-sama hadir mewakili delegasi Malaysia dalam mesyuarat ini ialah Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah PGN, NRES, Puan Nornisha binti Ishak, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Pembangunan Standard, PGN, NRES serta Sr Shamiruddin bin Mahammad Azami, Penolong Pengarah Ukur, Seksyen Dasar Pemetaan, JUPEM.



SUPPLY CHAIN INTEGRATED DIGITAL PLATFORM DEVELOPMENT WORKSHOP WITH RELEVANT MINISTRIES AND AGENCIES

18 - 19 November 2024 | Seminar Room 1, MITI Tower

PGN, NRES telah dijemput sebagai peserta bengkel bersama Kementerian dan Agensi berkaitan untuk membekalkan input kepada sistem yang akan dibangunkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk menguruskan dan mengoptimumkan rantai bekalan (*supply chain*) yang berdaya tahan.



Puan Suzaini binti Jabar, Timbalan Pengarah, Cawangan Perkhidmatan Geospatial telah mengetuai peserta daripada PGN, NRES. Manakala pegawai PGN, NRES yang turut menyertai bengkel ini ialah Puan Ani Khairiah binti Arudi, Tuan Haji Afendi bin Saari dan Encik Mohamad Fathudden bin Mohamad Basir.





LAWATAN KERJA PELAKSANAAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) DI JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI (JPKN) SABAH

26 November 2024 | Menara Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah

Lawatan kerja ini bertujuan bagi perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan struktur dokumentasi daripada JPKN Sabah, serta memberi panduan mengenai cabaran yang dihadapi dan penyelesaian yang telah diambil dalam mendapatkan pensijilan ISO/IEC 27001:2022. Disamping itu juga, pihak JPKN Sabah telah berkongsi pengurusan dan penguraian risiko yang dilaksanakan menggunakan sistem yang dibangunkan secara dalaman.

Selain itu, lawatan kerja ini juga sebagai permulaan bagi jaringan kerjasama antara JPKN Sabah dengan PGN yang boleh membawa kepada peluang kolaborasi dalam usaha peningkatan keselamatan maklumat dan pertukaran ilmu pada masa hadapan. Wakil Penyelaras ISMS INTAN Bukit Kiara juga turut serta dalam lawatan kerja kali ini.



PAMERAN PGN, NRES DI PROGRAM “GIS DAY 2024 – MAPPING MINDS SHAPING THE WORLD: 25TH YEARS OF GIS EXCELLENCE” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SHAH ALAM

03 Disember 2024 | Foyer Menara SAAS, UiTM Shah Alam

PGN, NRES telah menyertai pameran sempena program GIS Day 2024 anjuran Pengajian Sains Geomatik dan Sumber Alam (PSGSA), Kolej Alam Bina, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam bersama rakan kolaborasi syarikat Esri Malaysia. Program GIS Day yang dianjurkan bertujuan untuk menyediakan platform untuk membantu mempertingkatkan kreativiti bidang pemetaan Geomatik/Geoinformatik dan membuka peluang memaparkan hasil kerja para pelajar serta perkongsian sistem digital dalam persekitaran akademik pada masa kini.



SEMINAR SISTEM APLIKASI GIS DALAM PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

12 Disember 2024 / Dewan Kuliah DK203, FSSK, UKM



Puan Azira binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Perkhidmatan Geospasial telah dijemput sebagai penceramah jemputan di Seminar Sistem Aplikasi GIS dalam Perancangan dan Pembangunan Bandar anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Seminar ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar Program Sains Pembangunan dengan praktis dan perkembangan semasa industri berkaitan topik "Aplikasi GIS dalam Pembangunan Bandar".



PGN SOKONG PEMBANGUNAN AKADEMIK DALAM BIDANG GEOMATIK

13 Disember 2024 | UiTM Shah Alam



PGN berbesar hati berkongsi penglibatan dua pegawai kami, Encik Mohamad Fathudden bin Mohamad Basir dan Puan Mas Juliza binti Alias yang telah dilantik sebagai Ahli Panel Penilai bagi Sesi Pembentangan Cadangan Penyelidikan Pelajar Program Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.



Turut serta dalam sesi ini adalah pegawai-pegawai daripada agensi lain yang bertindak sebagai panel luar bersama barisan pensyarah Pengajian Sains Geomatik dan Sumber Alam Uitm Shah Alam. Semoga segala komen dan nasihat yang diberikan dapat memberi manfaat serta membantu para pelajar menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Tahniah kepada semua yang terlibat dan selamat maju jaya kepada para pelajar!

AKTIVITI PENGUJIAN SIMULASI PEMULIHAN BENCANA BAGI APLIKASI KRITIKAL PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

17 Disember 2024 | Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Bandar Enstek, Negeri Sembilan

Aktiviti Pengujian Simulasi Pemulihan Bencana ini merupakan program tahunan Pusat Geospasial Negara (PGN) yang bertujuan memastikan kesiapsiagaan semua pihak dalam memulihkan sistem ICT sekiranya berlaku bencana. Di samping itu, aktiviti ini dapat memperkuat kemahiran pegawai serta kecekapan prosedur dalam pengendalian bencana. Pengujian ini dilaksanakan di Pusat Pemulihan Bencana Jabatan Digital Negara (JDN) yang terletak di PDSA Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.



Pengujian ini juga bertujuan untuk mengesahkan dan memastikan pelan tindakan pemulihan yang dibangunkan dalam dokumen *Disaster Recovery Management Plan* (DRMP) dan *Disaster Recovery Technical Plan* (DRTP) adalah terkini, relevan dan boleh dilaksanakan. Ini bagi memastikan proses pemulihan dapat dijalankan dengan berkesan dan memenuhi tempoh Recovery Time Objective (RTO) yang telah ditetapkan.

Pengujian telah berjaya dilaksanakan dengan sistem aplikasi kritikal PGN berjaya dipulihkan dalam tempoh 3 jam 42 minit berbanding dengan tempoh 4 jam yang ditetapkan di dalam RTO dengan hasil kerjasama dan kecekapan antara pihak JDN, Ahli Pasukan Pemulihan Bencana PGN dan kontraktor JDN.



LAWATAN RASMI DELEGASI DARIPADA CENTRO NACIONAL DE DADOS GEOESPACIAIS (CNDG) - NATIONAL GEOSPATIAL DATA CENTER, MINISTRY OF PLANNING AND STRATEGIC OF TIMOR-LESTE KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

17 September 2024

PGN telah menerima lawatan rasmi daripada Centro Nacional De Dados Geoespaciais (CNDG), Timor-Leste yang berminat untuk mempelajari serta mendapatkan panduan daripada PGN dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dalam aspek pembangunan geospasial.



Fokus utama perbincangan adalah mengenai perkongsian pengetahuan berkaitan pembangunan polisi dan standard geospasial, pembangunan Geoportal, serta Sistem Stesen Rujukan Beroperasi Secara Berterusan (GNSS CORS). PGN dan JUPEM bersedia berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk membantu memajukan infrastruktur geospasial Timor-Leste.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (GEOSAINS MARIN), FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

20 November 2024

Lawatan akademik pelajar Sarjana Muda Sains (Geosains Marin) UMT ke Pusat Geospasial Malaysia (PGN), NRES, memberi peluang kepada pelajar memahami peranan, perkhidmatan, teknologi, dan aktiviti PGN sebagai peneraju Program MyGDI di Malaysia. Selain itu, lawatan ini diharapkan dapat mencetuskan idea baharu untuk diaplikasikan dalam pengajian mereka di universiti, sekaligus menjadi pemangkin melahirkan lebih ramai pakar geospasial di masa hadapan.




KUNJUNGAN DELEGASI DARI BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN (BPSP), KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

17 Disember 2024

Sesi perbincangan dan taklimat antara Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan Pusat Geospasial Negara (PGN), NRES pada kali ini dapat membuka ruang kerjasama dalam memperkukuh pengurusan data geospasial antara Agensi dan Kementerian bagi mencapai matlamat pembangunan geospasial yang lebih efektif dan berimpak tinggi. Kunjungan ini juga adalah untuk mendapatkan input daripada PGN, NRES mengenai pengurusan data GIS dan aplikasi teknologi dalam sektor pertanian untuk menyokong perancangan, pengurusan, dan pemantauan sistem pengairan dan saliran pertanian secara lebih sistematik, cekap dan mampan.





MyGDI Newsletter ini diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
ARAS 7 & 8, MENARA PETRA
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA
TEL.: 03 - 8886 1156
www.mygeoportal.gov.my

*Segala pertanyaan dan maklum balas terhadap MyGDI Newsletter ini hendaklah
dikemukakan kepada pgn.p&o@nres.gov.my*

